



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

KENYATAAN MEDIA

oleh

KETUA SETIAUSAHA

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

PENERIMA DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT WILAYAH PERSEKUTUAN SEMPENA SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN TAHUN 2016

Sukacita dimaklumkan bahawa **Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan (DKBPWP) Tahun 2016** telah mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Al-Marhum Sultan Badlishah dan istiadatnya akan berlangsung di Istana Negara, Kuala Lumpur pada 1 dan 3 Februari 2016.

2. Istiadat penuh pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan kali ini akan disempurnakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Al-Marhum Sultan Badlishah, yang telah berkenan untuk menyampaikan pengurniaan ini di Istana Negara sebagai penghargaan kepada mereka yang banyak menabur jasa, memberi sumbangan dan khidmat cemerlang kepada Wilayah Persekutuan.

3. Pada tahun ini, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah mengampuni perkenan ke atas **322 penerima** untuk dikurniakan **DKBWPWP Tahun 2016**. Daripada jumlah itu seramai **dua (2)** individu akan dikurniakan **Darjah Kebesaran Seri Utama Mahkota Wilayah (SUMW)** yang membawa gelaran **Datuk Seri Utama**. **22** individu akan dianugerahkan **Darjah Kebesaran Seri Mahkota Wilayah (SMW)** yang membawa gelaran **Datuk Seri**. Sementara itu, **68** individu dianugerahkan **Darjah Kebesaran Panglima Mahkota Wilayah (PMW)** yang membawa gelaran **Datuk**. Selebihnya, **44** individu dianugerahkan **Bintang Johan Mahkota Wilayah (JMW)**, **56** individu menerima **Bintang Kesatria Mahkota Wilayah (KMW)**, **54** individu menerima **Bintang Ahli Mahkota Wilayah (AMW)** dan **76** individu menerima **Pingat Pangkuhan Mahkota Wilayah (PPW)**.

4. Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan yang bermula sejak tahun 2008 adalah bagi menghargai dan mengiktiraf sumbangan warga Wilayah Persekutuan yang banyak berjasa membangunkan wilayah ini, termasuk mereka yang bukan bermastautin tetapi turut memberi sumbangan dan khidmat yang cemerlang untuk Wilayah Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

DATUK SERI ADNAN BIN HAJI MD IKSHAN
Ketua Setiausaha
Kementerian Wilayah Persekutuan

1 Februari 2016
Kuala Lumpur